

**Teks Ucapan Sempena Majlis Perasmian Penutup Program  
Ekspresi@FINAS**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 24/10/2022

---

**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM EKSPRESI@FINAS**

**24 OKTOBER 2022 | ISNIN | 3.00 PETANG**

**STUDIO SOUND STAGE  
FINAS HULU KELANG, SELANGOR**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada majlis yang sungguh bermakna ini.

2. Pertama sekali, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) kerana sudi mengundang saya merasmikan majlis penutup program EKSPRESI@FINAS.

3. Saya difahamkan, FINAS yang ditubuhkan pada 1 Jun 1981 akan menyambut ulang tahun ke-41 pada tahun ini. Tahniah saya ucapkan.

**Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

4. Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan industri perfileman negara melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) dan juga agensinya seperti FINAS yang berperanan membangunkan industri berkenaan untuk turut menyumbang kepada ekonomi kreatif negara.

5. Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2019, industri perfileman menyumbang 1.9 peratus atau RM29.4 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menjana sebanyak 216,811 peluang pekerjaan.

6. Data Motion Pictures Association of America (MPPA) pula menyatakan industri perfileman negara berada di tangga ke-19 dunia pada tahun 2019 dan 2020, dengan nilai sebanyak USD3 bilion.

7. Industri perfileman tempatan yang merangkumi sektor pengeluaran, pengedaran dan pemameran filem, dianggarkan mengalami kerugian lebih RM10 bilion sejak 18 Mac 2020 kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19.

8. Daripada jumlah itu, industri pemameran pawagam kehilangan kutipan kasar sebanyak RM1.08 bilion pada tahun 2019 kepada RM138.9 juta pada tahun 2020 dan RM28.9 juta pada tahun 2021.

9. Bagi memulihkan semula ekonomi industri kreatif negara, Kerajaan telah melonggarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 9 September 2021 yang memberi kelegaan kepada lebih sejuta penggiat industri kreatif, artis dan pekerja yang melibatkan 19,000 buah syarikat.

### **Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

10. Proses pemulihan ekonomi negara pasca pandemik COVID-19 berada pada momentum terbaik selepas beberapa langkah diambil menunjukkan hasil memberangsangkan.

11. Sebagai contoh, prestasi ekonomi negara adalah antara yang terbaik di Asia Tenggara dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 8.9 peratus pada suku kedua 2022 berbanding 5.0 peratus pada suku pertama 2022.

12. Kerajaan juga komited melonjakkan lagi prestasi perdagangan dan pelaburan negara, termasuk memastikan pelaburan langsung domestik terus dirangsang.

13. Alhamdulillah, impak usaha Kerajaan menarik pelaburan asing juga dapat dilihat melalui data pelaburan Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) FINAS berjumlah RM129.7 juta sehingga bulan Ogos 2022, iaitu melebihi sasaran KPI RM100 juta.

14. Bagi pasaran domestik pula, kejayaan filem Mat Kilau mencatat kutipan tertinggi melebihi RM90 juta membuktikan kemampuan filem tempatan bersaing dengan filem-filem antarabangsa yang menguasai 60 peratus pasaran pecah panggung (box office).

15. Ini disusuli kejayaan filem-filem lain seperti Air Force The Movie dan Abang Long Fadil 3 yang turut mencatat kutipan melebihi RM25 juta. Saya juga sempat menonton filem Air Force The Movie yang saya sifatkan sudah mampu menyaingi filem antarabangsa.

16. Saya yakin kejayaan tersebut akan memberi keyakinan kepada pihak penerbit, pengedar dan pemamer mengenai keupayaan filem-filem tempatan untuk memecah kebuntuan akibat impak pandemik COVID-19.

**Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

17. Kerajaan yang saya pimpin hari ini sentiasa mengutamakan pembangunan industri perfileman negara melalui lima aspek utama iaitu:

Pertama: **Sustainability** atau kelestarian dan dasar jangka pendek, sederhana, dan panjang;

Kedua: **Profitability** atau keuntungan ekonomi industri;

Ketiga: **Marketability** atau kebolehpasaran industri di peringkat domestik dan antarabangsa;

Keempat: **Employability** atau kebolehpasaran profesion penggiat industry

Kelima: **Productivity** atau produktiviti dan kualiti produk industri.

18. Pada 7 Oktober lalu, Kerajaan telah membentangkan Bajet 2023 yang menumpukan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan, kemakmuran ekonomi dan kecekapan perkhidmatan Kerajaan.

19. Ini terbukti dengan peruntukan sebanyak RM152 juta kepada FINAS bagi memacu pembangunan industri yang memanfaatkan pelbagai kumpulan pemegang taruh merangkumi pelabur, penerbit, pengedar, pemamer, penyedia perkhidmatan dan tenaga produksi.

20. Bajet Keluarga Malaysia yang telah dibentangkan adalah:

**Satu, Peruntukan Dana RM50 juta untuk Dana Khas Kandungan Kreatif Kenegaraan (DEKAN)**

**Dua, Peruntukan Dana Kandungan Digital sebanyak RM102 juta**

**Tiga, Potongan cukai bagi sumbangan kepada Tabung Komuniti Filem dan Pembangunan Filem Kenegaraan di bawah FINAS**

**Empat, Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan studio dan produksi penggambaran**

**Lima, 80 peratus caruman ditanggung Kerajaan bagi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk penggiat seni FINAS yang hanya perlu membayar 20 peratus caruman sahaja.**

21. Bagaimanapun, kesemua bantuan dan inisiatif ini akan hanya dinikmati sekiranya Bajet 2023 dibentangkan semula di Dewan Rakyat dan diluluskan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 nanti.

22. Ini bermakna, Kerajaan yang saya terajui perlu dipilih sekali lagi untuk menerajui negara bagi merealisasikan segala bantuan dan inisiatif yang telah dibentangkan itu.

**Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

23. Suasana ekonomi dijangka lebih mencabar pada tahun hadapan, pelbagai isu telah disuarakan oleh pemegang taruh seperti pemilikan hakcipta, kebajikan penggiat, kadar bayaran penerbitan oleh penyiar, potongan duti hiburan, insentif percukaian dan sebagainya.

24. Kerajaan juga sentiasa prihatin terhadap isu-isu yang dibangkitkan dan berdasarkan perancangan jangka panjang, isu-isu ini akan diperhalusi dan ditambah baik seiring dengan ekosistem industri yang melalui fasa perubahan.

25. Saya percaya, para pemegang taruh industri mempunyai potensi besar untuk menjadikan industri perfileman negara sebagai komoditi yang memacu ekonomi di peringkat domestik dan antarabangsa.

26. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada FINAS atas jemputan menghadiri majlis ini.

27. Saya berharap industri tempatan akan terus kukuh mengharungi situasi ekonomi yang kian mencabar dan bangkit secara progresif, supaya seluruh Keluarga Malaysia akan mendapat manfaat daripadanya.

28. Dengan kata-kata dan harapan tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan Majlis Penutup Program EKSPRESI@FINAS.

**Sekian,  
Wabillahi Taufik Wal Hidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/majlis-perasmian-penutup-program-ekspresifinas/>